



# MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL. 2 TAHUN 2019

6 Disember 2019 (Jumaat)  
10.30 pagi

Bilik Mesyuarat Seri Bitara  
Aras 4, MAMPU Putrajaya  
Blok B2, Kompleks JPM



# AGENDA

01

PERUTUSAN PENGERUSI

---

02

PENGESAHAN DAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT

---

03

PEMBENTANGAN LAPORAN PENCAPAIAN KPI DATA TERBUKA 2019

---

04

DEMONSTRASI DAN *KNOWLEDGE SHARING*  
PEMENANG HACKATHON DATA TERBUKA 2019  
(SEKTOR AWAM)

---

05

HAL-HAL LAIN DAN PENUTUP

# **PERUTUSAN PENGERUSI**

# **PENGESAHAN DAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT**

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	SELESAI
1	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 21)</b>  <b>2.4 Mesyuarat bersetuju</b> supaya semua ahli mesyuarat mengambil maklum dan perhatian mengenai pencapaian KPI Data Terbuka 2019 bagi suku tahun pertama 2019 yang dibentangkan oleh urus setia MAMPU. Semua kementerian dan PSUK perlu mengambil tindakan pro aktif untuk memastikan KPI Data Terbuka 2019 yang telah ditetapkan tercapai.  <b>Tindakan:</b> Semua Kementerian dan PSUK	<p>Secara umumnya Kementerian dan PSUK telah melaksanakan pelbagai tindakan pro aktif untuk memastikan KPI Data Terbuka 2019 yang telah ditetapkan dapat dicapai. Antara tindakan pro aktif yang dilaporkan kepada MAMPU adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kementerian dan PSUK mengadakan mesyuarat secara berkala bersama agensi di bawahnya untuk membincangkan hal-hal berkaitan Data Terbuka. Mesyuarat ini juga dijadikan platform untuk meluluskan set data yang akan diterbitkan di Portal Data Terbuka;</li><li>2. Pemantauan Data Terbuka dijadikan sebagai salah satu agenda tetap dalam mesyuarat bersama Pihak Pengurusan Kementerian dan PSUK;</li><li>3. Memantau penerimaan dan penerbitan Data Terbuka melalui Portal Data Terbuka peringkat negeri dan seterusnya dimuat naik ke Portal Data Terbuka;</li><li>4. Mengadakan Bengkel Penyelarasan Data Terbuka di peringkat Kementerian / PSUK secara berkala bagi sesi perkongsian maklumat dan penyediaan set data; dan</li><li>5. Mengadakan Sabah Data Fest untuk menggalakkan agensi di Sabah menerbitkan Data Terbuka.</li></ol> <p><b>Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2019, MAMPU telah menghadiri 6 mesyuarat, 5 bengkel dan 5 sesi meet &amp; greet yang dianjurkan oleh Kementerian dan PSUK.</b></p> <p>Pencapaian KPI Data Terbuka 2019 akan dibentangkan dalam mesyuarat ini.</p>	

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	SELESAI
2	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 22)</b>  <b>3.2 Mesyuarat bersetuju</b> dengan perkara berikut: a) Produk Hackathon yang dibangunkan perlu mempunyai ciri-ciri berikut:  (i) Memberi impak kepada organisasi dan rakyat;  (ii) Menepati keperluan pengguna dan pihak yang berkepentingan di kementerian masing-masing. Ini bagi memastikan produk yang dibangunkan dapat digunakan sekurang-kurangnya di peringkat organisasi sendiri; dan  (iii) Menggunakan pelbagai sumber Data Terbuka termasuk data daripada dalam dan luar negara.  <b>Tindakan:</b> Semua Kementerian dan PSUK	Berdasarkan ketetapan KPI 4 Data Terbuka 2019 iaitu Peningkatan Penggunaan Data Terbuka Untuk Menghasilkan Inovasi, 16 Kementerian telah menyertai Hackathon Data Terbuka 2019 yang diadakan pada 16 Ogos hingga 24 September 2019. Sebanyak 25 daripada 33 produk/aplikasi yang dibangunkan telah berjaya memasuki peringkat Penilaian Akhir. 25 produk ini telah menepati ciri-ciri yang ditetapkan dalam Mesyuarat JK Penyelarasn Data Terbuka Bil. 1 Tahun 2019.  Sebanyak 9 Kementerian pula telah memilih untuk melaksanakan inisiatif sendiri.	

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	SELESAI
4	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 22)</b>  <b>3.2 Mesuarat bersetuju dengan perkara berikut:</b> c) Kriteria pertandingan Hackathon perlu dipertingkatkan pada setiap tahun dengan mengambilkira isu semasa dalam negara. Ini bertujuan untuk memastikan produk yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi, memberi impak kepada organisasi dan rakyat serta dapat digunakan dengan meluas.  <b><u>Tindakan: MAMPU</u></b>	Hackathon Data Terbuka 2019 yang diadakan telah menambah baik kriteria pertandingan dengan mewujudkan tema <i>Sustainable Development Goals</i> (SDG). Daripada 98 kumpulan yang telah menghantar produk atau aplikasi data, 73 kumpulan telah memenuhi tema yang ditetapkan dan layak ke Peringkat Akhir.	

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	SELESAI
5	<p><b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 22)</b></p> <p><b>4.2 Mesyuarat bersetuju</b> dengan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kementerian dan PSUK perlu mencari kaedah yang kreatif untuk menerbitkan set data baharu termasuk mengenal pasti data yang disimpan di kementerian dan PSUK. Semakan semula juga perlu diadakan bagi mengenal pasti data terperingkat samada boleh diklasifikasikan atau diagregatkan semula sebagaimana yang dimaklumkan dalam sesi libat urus yang diadakan oleh MAMPU;</li> <li>b) Jumlah penerbitan set data baharu dan bergranular bagi KPI 3 Tahun 2019 adalah hanya 10% daripada sasaran KPI Data Terbuka 2018. Jumlah ini adalah kecil berbanding sasaran tahun 2018 dan MAMPU berpandangan ia tidak akan membebankan pihak kementerian dan PSUK. KPI 3 adalah seperti <b>LAMPIRAN B</b>; dan</li> <li>c) Kementerian dan PSUK yang memerlukan penerangan lanjut mengenai KPI Data Terbuka Tahun 2019 boleh menghubungi pihak MAMPU supaya boleh diaturkan sesi <i>Meet and Greet</i>.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan:</b> Semua Kementerian dan PSUK</p>	<p>Berdasarkan ketetapan KPI 3 Data Terbuka 2019, Kementerian dan PSUK perlu menerbitkan 10% set data berdasarkan KPI Data Terbuka 2018. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan bilangan penerbitan set data baharu daripada pihak Kementerian dan PSUK berdasarkan pemantauan MAMPU secara suku tahunan. Status pencapaian KPI 3 akan dibentangkan dalam mesyuarat ini.</p> <p>Pada masa yang sama, sepanjang tahun 2019, MAMPU telah menganjurkan dan menghadiri sebanyak <b>22 sesi libat urus bersama Kementerian dan PSUK</b> yang melibatkan mesyuarat, bengkel dan sesi <i>meet &amp; greet</i> untuk membantu Kementerian dan PSUK menerbitkan set data baharu.</p>	

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	SELESAI
6	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 22)</b>  5.2 Mesuarat bersetuju dengan perkara berikut:  a) Agensi yang terlibat dalam penstrukturran semula selepas PRU ke 14 boleh menghubungi MAMPU supaya dapat dilaksanakan pengemaskinian set data bersama kementerian dan agensi terlibat; dan  b) Kementerian dan PSUK perlu merujuk dan memaklumkan kepada MAMPU sekiranya ingin menghapuskan dan menggabungkan set data bagi memudahkan MAMPU menjelaskan perubahan set data.  <u>Tindakan:</u> MAMPU, semua Kementerian dan PSUK	Penstrukturran semula selepas PRU ke 14 telah melibatkan perubahan dan pindaan ke atas organisasi dan set data dalam Portal Data Terbuka. Pihak MAMPU telah menerima permohonan Kementerian untuk penyelarasan data berikut penggabungan, penjenamaan semula Kementerian, pewujudan Kementerian baharu dan perpindahan serta pemansuhan agensi di bawah Kementerian. Semua set data dalam Portal Data Terbuka telah diterbitkan mengikut senarai kementerian yang terkini.	

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	SELESAI
7	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 22)</b>  <b>5.2 Mesuarat bersetuju dengan perkara berikut:</b> c) Kementerian dan PSUK perlu sentiasa meningkatkan usaha untuk mengemaskini data supaya sentiasa terkini dan menerbitkan data yang berkualiti serta dapat memberi impak. Data yang terkini dapat membantu pihak Kerajaan dalam pembuatan keputusan.  <b><u>Tindakan:</u></b> Semua Kementerian dan PSUK	Berdasarkan ketetapan KPI 2 Data Terbuka 2019, Kementerian dan PSUK perlu mengemaskini set data yang diterbitkan dalam Portal Data Terbuka berdasarkan kekerapan yang telah ditetapkan. Melalui pemantauan MAMPU ke atas Portal Data Terbuka, didapati Kementerian dan PSUK telah mengemaskini set data daripada semasa ke semasa. Set data yang diterbitkan adalah terkini dan sekaligus mencapai KPI 2 yang ditetapkan.	

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	DALAM TINDAKAN
8	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 22)</b>  <b>6.2 Mesyuarat bersetuju</b> dengan perkara berikut: a) MAMPU akan melaksanakan peningkatan Portal Data Terbuka pada tahun 2019 – 2020 bagi menambahbaik proses penerbitan dan muat turun data serta paparan maklumat berkaitan jumlah pelawat; dan  <u>Tindakan:MAMPU</u>	Dokumen <i>User Requirement Specification (URS)</i> telah siap dihasilkan setelah beberapa siri Bengkel bersama pengguna. Berdasarkan URS ini, pembangunan peningkatan Portal Data Terbuka melibatkan pembangunan API dan Dashboard baharu bermula pada Disember 2019 dan dijangka selesai pada April 2020	

# MAKLUM BALAS MINIT MESUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DATA TERBUKA BIL.1 TAHUN 2019

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS	SELESAI
8	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (m/s 22)</b>  6.2 Mesuarat bersetuju dengan perkara berikut: b) Rentetan daripada permohonan data secara terus kepada kementerian dan PSUK, kementerian dan PSUK dicadangkan untuk memberikan pautan Portal Data Terbuka kepada pengguna terlibat bagi set data yang telah wujud. Pada masa yang sama, aktiviti libat urus Data Terbuka diadakan bagi menghebahkan penggunaan Portal Data Terbuka.  <u>Tindakan:</u> MAMPU, semua Kementerian dan PSUK	Pada keseluruhannya agensi telahpun memasukkan pautan Portal Data Terbuka dalam laman web/portal agensi masing-masing.  MAMPU telah menghebahkan penggunaan Portal Data Terbuka dalam pelbagai program dan aktiviti seperti dalam sesi libat urus, sesi <i>meet and greet</i> , bengkel berkaitan inisiatif Kerajaan Berpacukan Data di kementerian/agensi, pameran Data Terbuka di Program Caring Bridge pada 2-4 Ogos 2019 di Melaka dan Program Road Show MyGovUC Peringkat Zon Timur pada 23 September 2019 di Terengganu.	

# **PEMBENTANGAN LAPORAN PENCAPAIAN KPI DATA TERBUKA**

# KPI DATA TERBUKA 2019

## Peningkatan Kualiti Set Data

Semua set data yang diterbitkan di Portal Data Terbuka adalah **100% mempunyai Lesen Terbuka Creative Commons Attribution (CCA)** sebagai jaminan bahawa pengguna bebas menggunakan data yang diterbitkan di Portal Data Terbuka.

**KPI 1**

## Peningkatan Kualiti Set Data

Semua set data yang diterbitkan oleh kementerian/agensi hendaklah **dikemaskini mengikut kekerapan** yang ditetapkan.

**KPI 2**

**KPI 3**

## Peningkatan Kuantiti dan Kualiti Set Data

Menerbitkan **10% set data baharu bergranular** berdasarkan sasaran KPI Data Terbuka 2018.

**KPI 4**

## Peningkatan Penggunaan Data Terbuka Untuk Menghasilkan Inovasi

Mewajibkan setiap kementerian membangunkan produk data/aplikasi melalui Hackathon Data Terbuka 2019 yang dianjurkan oleh MAMPU atau melalui inisiatif sendiri.

# PENCAPAIAN KESELURUHAN KPI DATA TERBUKA 2019

Data Sehingga 3 Disember 2019

**100%**  
CCA 4.0

**KPI 1**

**100%**  
KEMASKINI

**KPI 2**

**81%**  
DATA BAHARU

**KPI 3**

**100%**  
HACKATHON /  
INISIATIF SENDIRI

**KPI 4**

1

**SASARAN**  
Semua Set Data  
Mematuhi CCA 4.0

**PENCAPAIAN**  
**Semua** set data  
(13,376) Set Data  
Mematuhi  
CCA 4.0

2

**SASARAN**  
Set Data Dikemaskini

**PENCAPAIAN**  
**Semua** set data  
dikemaskini

3

**SASARAN**  
**1,050** Set Data  
Baru Diterbitkan

**PENCAPAIAN**  
**KPI Tercapai**  
**(>=80%)\*. 854**  
Set Data Baru  
Diterbitkan

4

**SASARAN**  
**25** Kementerian menyertai  
Hackathon anjuran MAMPU  
atau inisiatif sendiri

**PENCAPAIAN**  
**16** Kementerian menyertai  
Hackathon Data Terbuka 2019  
dan **9** Kementerian  
melaksanakan inisiatif sendiri

\* : Merujuk kepada Dokumen KPI  
Generik JPA Tahun 2018

# Semua Set Data Mematuhi CCA 4.0

PENCAPAIAN KPI#1





13,376 Set Data

**Creative Common Attribution (CCA)** - membenarkan Data Terbuka dikongsi dan diguna semula di bawah terma yang fleksibel dan sah di sisi undang-undang dan merupakan satu bentuk kredit kepada pemilik set data.

# PENCAPAIAN KPI 3 – KEMENTERIAN

Penerbitan Set Data Baharu

Peratus Pencapaian




# PENCAPAIAN KPI 3 – PEJABAT SUK

Penerbitan Set Data Baharu



Peratus Pencapaian



# PENCAPAIAN KPI 4 - Peningkatan Penggunaan Data Terbuka Untuk Menghasilkan Inovasi

hackathon  
DATA TERBUKA 2019

- 16 Kementerian
- 2 PSUK (Tidak termasuk KPI 4)
- 25 daripada 33 aplikasi / produk data bagi Kategori Sektor Awam layak ke Sesi Penilaian Akhir



## Pelaksanaan Inisiatif Sendiri:

- 9 Kementerian
- 3 Kementerian telah selesai membangunkan aplikasi
- 6 Kementerian sedang dalam tindakan pembangunan

# DEMONSTRASI DAN KNOWLEDGE SHARING PEMENANG (SEKTOR AWAM)

hackathon  
DATA TERBUKA 2019

## PeGIS (SUK P. Pinang)

- GeoBencana
- Aplikasi berkonsepkan pemetaan yang memaparkan keadaan semasa bacaan paras air sungai, taburan hujan daripada sensor yang disediakan oleh JPS dengan keupayaan membuat carian dan analisis geospatial.



## IRD Mobile (AAN & KWP)

- iSEKOLAH
- Aplikasi mudah alih bagi memudahkan urusan berkaitan persekolahan anak-anak terutamanya kepada pihak ibu bapa membuat pemantauan berterusan ke atas prestasi persekolahan anak-anak

## enVangers (JAS, MESTECC)

- myEnviro - Portal Informasi Alam Sekitar
- Aplikasi ini dapat mengatasi masalah penyimpanan data yang tidak bersepadan dan kurangnya perkongsian antara agensi yang menyebabkan kesukaran kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat alam sekitar.

# **HAL-HAL LAIN DAN PENUTUP**

# TERIMA KASIH



## **Penafian:**

Maklumat yang dipaparkan dalam slaid ini adalah hak milik Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri.  
Sebarang salinan hendaklah mendapat persetujuan dan kelulusan MAMPU.

# **PERINCIAN PENCAPAIAN KPI DATA TERBUKA 2019**


# PENCAPAIAN KPI 2 PENGEMASKINIAN SET DATA KEMENTERIAN

Kem/PSUK	Jumlah Set Data	Kemaskini	Not Applicable
KPM	1234	1172	62
KKR	300	293	7
MOA	591	442	149
MOD	402	328	74
MOTAC	430	423	7
KPDNHEP	310	293	17
MEA	515	186	329
MESTECC	553	162	391
MED	126	116	10
KWP	430	351	79
MOF	499	490	9
KLN	215	6	209
KKM	692	445	247
KDN	515	512	3
KPKT	589	552	37
MITI	315	277	38
KSM	841	629	212
MPI	491	273	218
KPLB	614	405	209
MOT	544	488	56
KATS	493	176	317
KPWKM	334	327	7
KBS	324	267	57
JPM	503	165	338
KKMM	208	195	13

# PENCAPAIAN KPI 2 PENGEMASKINIAN SET DATA PSUK

Kem/PSUK	Jumlah Set Data	Kemaskini	Not Applicable
PSUK JOHOR	51	38	13
PSUK KEDAH	110	100	10
PSUK KELANTAN	122	116	6
PSUK MELAKA	72	66	6
PSUK N.SEMBILAN	93	92	1
PSUK PAHANG	129	99	30
PSUK PENANG	160	157	3
PSUK PERAK	156	84	72
PSUK PERLIS	70	64	6
PSUK SABAH	73	69	4
PSUK SARAWAK	65	52	13
PSUK SELANGOR	64	12	52
PSUK TERENGGANU	116	113	3

# PENCAPAIAN KPI 3 SET DATA TERBUKA BAHARU KEMENTERIAN




# PENCAPAIAN KPI 3 SET DATA TERBUKA BAHARU PSUK



9 December 2019

Jumlah Set Data



PSUK

27

# PENCAPAIAN KPI 4 – HACKATHON DATA TERBUKA 2019

16 KEMENTERIAN YANG TELAH MEMBUAT SERAHAN SEMASA HACKATHON DATA TERBUKA 2019

## JPM

(JPM, MAMPU, ICU, MAHKAMAH KL,  
IPA, SPA)



- ✓ MyNanny
- ✓ BasMi (Basmi Miskin)
- ✓ \*Data Sumber Pertanian Terengganu
- ✓ Rooma
- ✓ Zero Hunger
- ✓ \*MyHome Aware
- ✓ \*SchoolPodz

## KPKT

## KATS

(KATS, INSTUN)

## KLN

## MOF

(MOF, BANK NEGARA MALAYSIA)

- ✓ Aplikasi carian perkhidmatan kaunter/online
- ✓ MyS.O.S



9 December 2019

- ✓ Sistem Pengurusan Media KPKT (e-Media)

## MOE

(MOE, JPN SELANGOR, POLITEKNIK BANTING, UTM, JPT, SEKOLAH SENDAYAN)

- ✓ Rukun Tetangga Maya
- ✓ Perkhidmatan Talian Internet Sekolah Negeri Selangor
- ✓ \*Data Sumber Pertanian Terengganu
- ✓ COMAID : Communication Aid
- ✓ FLICS
- ✓ Aplikasi Web Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)
- ✓ \*MyHome Aware
- ✓ Halaltrack Using Supply Chain Blockchain & Smart Contract
- ✓ \*SchoolPodz

## MESTECC

(MESTECC, JAS, AGENSI ANGKASA NEGARA)

- ✓ myEnviro
- ✓ \*iSEKOLAH
- ✓ Sungai di Malaysia

## KWP

(KWP, DBKL)

- ✓ \*iSEKOLAH
- ✓ PAKINGMANA

### \*Nota:

Kumpulan yang dianggotai daripada pelbagai Kementerian

# PENCAPAIAN KPI 4 – HACKATHON DATA TERBUKA 2019

16 KEMENTERIAN YANG TELAH MEMBUAT SERAHAN SEMASA HACKATHON DATA TERBUKA 2019

MOH

KWPKM

(KWPKM, JKM)

MEA

MOA

(MOA, DVS)

✓ \*The Pink Book

✓ \*MyHome Aware

✓ \*MyHome Aware

✓ PetPoint

MOHR

MOT

(MOT, JABATAN LAUT MALAYSIA,  
MIROS)

KKMM

KDN

(KDN, AADK)

✓ \*The Pink Book

✓ TransMar – Gender Equality  
✓ MERSEYE

✓ LuvUCareU #SayangiMereka

✓ SLAPS: Sistem Laporan Aduan  
Pelencongan Sosial

## \*Nota:

Kumpulan yang dianggotai daripada  
pelbagai Kementerian



# PENCAPAIAN KPI 4 - INISIATIF SENDIRI KEMENTERIAN

MITI	MyFTA (Malaysia's Free Trade Agreements)	100%	 Status Sehingga 2 Dis 2019
KPLB	INFO TVET@KPLB	100%	
KKR	eSiteMobile	100%	
KBS	Jom Cergas!	90% (Dijangka selesai 31 Disember 2019)	
KPDNHEP	K-DATS Fasa 1	80% (Dijangka selesai Disember 2019)	
MOD	Jom Masuk Tentera	60% (Dijangka selesai 31 Disember 2019)	
MED	eKursus (Kontraktor)	40% (Dijangka selesai 31 Disember 2019)	
MOTAC	Sistem Fast Fact Sektor Kebudayaan	1% (Dijangka selesai 31 Disember 2020)	
MPI	Sistem Agrikomoditi – Modul Etrade	1% (Dijangka selesai 31 Disember 2020)	



2/9 Kementerian di Fasa Perancangan



2/9 Kementerian di Fasa Pembangunan



2/9 Kementerian di Fasa Pengujian & Penerimaan



3/9 Kementerian telah selesai

# PERINCIAN PRODUK INISIATIF SENDIRI KEMENTERIAN

BIL	KEM.	NAMA PRODUK	SINOPSIS APLIKASI/PRODUK DATA
1	MITI	MyFTA (Malaysia's Free Trade Agreements)	<p>Memberi maklumat secara interaktif berkaitan perjanjian perdagangan bebas atau Free Trade Agreement (FTA) yang dimeterai oleh Malaysia dengan negara-negara lain. Maklumat diperolehi dari set data di Portal Data Terbuka. Antara maklumat perjanjian perdagangan bebas yang akan dipaparkan adalah seperti keterangan dan skop perjanjian, nilai eksport, destinasi eksport , produk eksport teratas bagi setiap skim perjanjian.</p>
2	KPLB	INFO TVET@KPLB	<p>Portal ini dibangunkan untuk :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Memaparkan maklumat program Technical and Vocational Education Training (TVET) yang ditawarkan oleh Institusi TVET di bawah agensi KPLB;</li> <li>(ii) Memaparkan maklumat kemudahan pembelajaran yang ditawarkan oleh Institusi TVET di bawah agensi KPLB;</li> <li>(iii) Memaparkan senarai Institusi TVET di bawah agensi KPLB;</li> <li>(iv) Memaparkan senarai tenaga pengajar mahir TVET di bawah agensi KPLB; dan</li> <li>(v) Menyediakan kemudahan permohonan kemasukan ke institusi TVET secara digital.</li> </ul>
3	KKR	eSITEMobile	Aplikasi mobil ini menawarkan perkhidmatan semakan senarai dan status terkini bagi permohonan mendirikan stuktur paparan iklan di rezab Jalan Persekutuan.

# PERINCIAN PRODUK INISIATIF SENDIRI KEMENTERIAN

BIL	KEM.	NAMA PRODUK	SINOPSIS APLIKASI/PRODUK DATA
4	KPDNHEP	K-DATS Fasa 1	<p>(i) Menghasilkan penemuan yang bersifat insightful yang membolehkan pengurusan kementerian menambahbaik perkhidmatan yang disediakan untuk rakyat, membuat perancangan strategik, membuat keputusan dan mengambil tindakan yang tepat.</p> <p>(ii) Mengoptimumkan penggunaan dan perkongsian data kementerian bagi membudayakan inovasi berpacukan pelbagai jenis data (data-driven)</p>
5	KBS	Jom Cergas!	Memberi maklumat kepada orang awam berkaitan lokasi fasiliti sukan dan juga pusat rekreasi yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Dewan Bandar raya Kuala Lumpur, Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya. Selain itu, portal ini juga memaparkan carian berkaitan senarai hospital, klinik dan Pusat Promosi Kesihatan Komuniti serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
6	MOD	APLIKASI JOM MASUK TENTERA	Aplikasi JOM MASUK TENTERA adalah aplikasi yang membolehkan orang awam membuat permohonan masuk ke Perkhidmatan Tentera sama ada Perkhidmatan Darat, Laut atau Udara. Pemohon juga boleh menyemak status permohonan dan jika berjaya pemohon dapat mengetahui maklumat berkenaan sesi temuduga.

# PERINCIAN PRODUK INISIATIF SENDIRI KEMENTERIAN

BIL	KEM.	NAMA PRODUK	SINOPSIS APLIKASI/PRODUK DATA
7	MED	eKursus (Kontraktor)	Aplikasi mudah alih yang menyediakan maklumat kepada usahawan kontraktor bumiputra untuk mencari maklumat berkaitan jadual-jadual kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) di seluruh Malaysia dan paparan statistik berkaitan bilangan kursus dan usahawan kontraktor yang terlibat.
8	MOTAC	Sistem Fast Fact Sektor Kebudayaan	Sistem ini bertujuan menyelaraskan kaedah pengumpulan dan perekodan data di agensi yang terlibat di bawah sektor kebudayaan. Data yang dikumpulkan akan digunakan oleh bahagian dasar motac untuk tujuan analitik dan juga open data.
9	MPI	Sistem Agrikomoditi Modul Etrade	Sistem Yang Menggunakan Business Intelligent Tools Untuk Menganalisa Data – Perdagangan Bagi Tujuan Penjanaan Laporan Secara Near-real Time.